



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

SEMPENA PROGRAM ADVOKASI ILMUWAN MPN DI UITM HARI INI

UBAH SIKAP UNTUK TERUS BERJAYA

Sejauh mana penglibatan rakyat negara ini terutama golongan bumiputera dalam bidang keusahawanan?

UiTM telah menjadi universiti keusahawanan selama tiga tahun berturut-turut. Peranan UiTM ini bukanlah hanya menghasilkan graduan untuk bekerja dengan orang lain tetapi bekerja sendiri malah mampu mewujudkan peluang pekerjaan kerana negara maju amat bergantung kepada penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan. Jadi, kalau kita lihat negara China dan sebagainya, bilangan usahawan itu cukup tinggi berbanding di negara ini. Tetapi, bilangan usahawan masih kecil kalau dibandingkan peratusan populasi, saya rasa tidak sampai lima peratus. Itu kalau kita kira nisbah usahawan dengan populasi, kita masih rendah dan belum lagi capai ke tahap yang kita inginkan seperti negara maju.

Bagaimana pula dengan inisiatif dan insentif yang disediakan kerajaan untuk membantu usahawan termasuk latihan dan bimbingan keusahawanan, adakah mencukupi?

Dari segi inisiatif dan insentif yang disediakan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi bumiputera yang terlibat dalam keusahawanan cukup banyak sekali. Antaranya adalah TEKUN, Amanah, Ikhtiar Malaysia, SME Bank,

SME Corp, Mara dan banyak lagi. Sokongan kerajaan untuk meningkatkan bilangan usahawan cukup memberangsangkan.

Apakah halangan terbesar bagi mereka yang berminat sedangkan kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan?

Mereka yang berminat ini ada tetapi saya rasa terdapat beberapa halangan yang tidak dapat merancakkan lagi bilangan bumiputera dalam bidang keusahawanan. Pertama, usahawan perlu ada beberapa set kemahiran iaitu pengurusan, kemahiran pengurusan mesti ada.

Selain itu, kemahiran perubahan pengurusan (*change management skill*) iaitu apabila kita buat sesuatu, kita mesti bijak mempelbagaikan perniagaan. Ini set kemahiran yang kita perlu bangunkan dalam kalangan usahawan. Justeru universiti perlu memainkan peranan membentuk usahawan serba boleh. Universiti perlu mewujudkan program dan peluang agar pelajar mempunyai set kemahiran seperti itu. Dalam pada itu, kreativiti dan inovasi perlu ada kerana produk dalam perniagaan tidak terhad kepada satu produk sahaja. Perlu ada kepelbagaian dan pemasaran produk perlu kreatif.

Sebagai contoh usahawan kosmetik dengan pelbagai iklan dan kemahiran pemasaran cukup hebat. Usahawan yang berjaya ketika ini adalah dalam bidang kosmetik dan perkhidmatan. Itulah kemahi-

**BERSAMBUNG
DI SEBELAH**

ran yang perlu dimantapkan. Sokongan kerajaan telah ada dan yang kritikal adalah dari segi sikap. Ini kerana untuk menjadi usahawan harus bersedia bersaing dan menyedari bahawa ada turun naik dalam perniagaan. Apabila merasai kejatuhan dalam perniagaan, kita tahu untuk mengatasinya. Dalam banyak perkara juga, kemahiran untuk mengawal aliran wang penting. Jika tidak dapat mengawal dengan baik, bagaimana perniagaan akan maju?

Kini ramai termasuk graduan yang menceburi bidang perniagaan dalam talian (online), bagaimana Datuk melihat perkembangan ini?

Perniagaan ini memang bagus. Jika tiada wang aliran tunai, perniagaan dalam talian ini memang mudah. Saya juga tiada halangan sekiranya pelajar mahu menceburi perniagaan dalam talian. Perniagaan dalam talian ini amat baik kerana ia akan meningkatkan saiz perniagaan dari semasa ke semasa.

Oleh itu, seperti yang saya katakan, usahawan perlu tahu mempelbagaikan perniagaan. Jika maju, perlu tahu mempelbagaikan perniagaan untuk terus berkembang, jangan sama sahaja. Usahawan perlu menjadi kreatif. Sebagai contoh di Kelantan, terdapat juadah yang terkenal iaitu nasi air dingin yang tidak jauh dari kampung saya. Kini nasi tersebut boleh didapati di sini kerana diterbangkan terus dari Kelantan oleh seorang usahawan. Kita boleh hubungi dan bertemu di beberapa tempat dan nikmatinya di sini. Ini sangat kreatif.

Nasihat Datuk kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi usahawan terutama pelajar?

Kita mahu negara ini mempunyai lebih ramai usahawan dan tidak mahu kaum bumiputera ketinggalan merebut pe-

luang. Oleh itu, menjadi peranan UiTM untuk melatih dan mempersiapkan graduan apabila menamatkan pengajian supaya menjadi usahawan atau mempunyai ketetapan minda keusahawanan yang tinggi untuk membantu organisasi yang mereka ceburi.

Sasaran kita adalah peningkatan kepada lima peratus dalam tempoh lima tahun berbanding 3.2 peratus kini. Walaupun peratusannya kecil namun bilangan saiz UiTM itu besar kerana kita melahirkan graduan sehingga 30,000 ke 40,000 setahun. Ini terbukti kerana alumni UiTM ramai yang berjaya dan mengukir nama termasuk dalam sektor korporat. Rekod yang baik telah ada dan kita hanya perlu tingkatkan sahaja.

Program Advokasi Ilmuwan

MEJUS
PROFESOR
SEGARA
Hassan Said

UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

**Keusahawanan di Malaysia:
Adakah Sudah Mencukupi?**



● Hari ini ● 10.00 pagi

● Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

MUKADIMAH UMUM mengetahui pembabitan golongan bumiputera dalam bidang keusahawanan di negara ini masih belum boleh dibanggakan. Masih terlalu banyak usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak bagi meningkatkan jumlahnya terutama untuk melahirkan usahawan berjaya. Diakui itu bukan tugas mudah memandangkan kaum bumiputera lebih cenderung

‘makan gaji’ berbanding menjadi seorang usahawan. Bagi mendapatkan gambaran sebenar, wartawan *Utusan Malaysia* **FAZRINA AYU RADUAN** telah menemubual Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), **PROFESOR EMERITUS DATUK DR. HASSAN SAID** yang kemudian telah berkongsi beberapa pandangannya tentang isu tersebut.



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

